

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN HARI INI BAHAWA BELIAU TERPAKSA MEMINJAM RUMAH MALAYSIA UNTUK MENGADAKAN MAJLIS JAMUAN PERKAHWINAN ANAK PEREMPUANNYA BARU-BARU INI UNTUK MENAMPUNG BILANGAN JEMPUTAN YANG RAMAI.

PERDANA MENTERI BERKATA, PADA MULANYA BELIAU TIDAK BERCADANG UNTUK MENJEMPUT BEGITU RAMAI TETAMU UNTUK MEMBOLEHKAN MAJLIS ITU DIADAKAN DI KEDIAMANNYA.

BAGAIMANAPUN, SETELAH DINASIHATKAN OLEH PARA PEGAWAINYA BAHAWA BELIAU TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN LAIN KERANA BELIAU KINI MENJADI PERDANA MENTERI, MAHU TIDAK MAHU ORANG-ORANG YANG PATUT DIJEMPUT TERPAKSA JUGA DIJEMPUT.

"AKHIRNYA SERAMAI 2,000 TELAH DISENARAikan UNTUK DIJEMPUT. OLEH KERANA BILANGAN INI BESAR DAN RUMAH SAYA TIDAK DAPAT MENAMPUNG JUMLAH SERAMAI ITU, MAKA MEREKA PUTUSKAN SUPAYA JAMUAN ITU DIADAKAN DI RUMAH MALAYSIA DI JALAN AMPANG," KATANYA. -- LAGI 1445/MB

B577

MAHATHIR - KAHWIN 2 KUALA LUMPUR

"LAGI PUN KALAU SAYA ADAKAN JAMUAN ITU DI RUMAH SAYA, RUMAH ITU RUMAH KERAJAAN JUGA, KECUALI KALAU SAYA ADAKANNYA DI ALUR SETAR. ITU RUMAH SAYA SENDIRI," JELASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBUAT PENJELASAN INI SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DITIMBULKAN DI SEPANJANG PERBAHASAN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-33 DI AKHIR SIDANG ITU DI SINI TENGAHARI INI.

KATANYA, BELIAU TERPAKSA MEMBUAT PENJELASAN ITU UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG SALAHSANGKA YANG MUNGKIN TIMBUL.

MENURUTNYA, PARA PEGAWAI YANG TERLIBAT DALAM PENGENDALIAN UPACARA PERKAHWINAN ITU JUGA DIBERI ARAHAN KHUSUS SUPAYA JANGAN MENGADAKAN MESYUARAT MENGENAI PERKARA TERSEBUT DALAM MASA PEJABAT.

"SAYA BERITAHU MEREKA SUPAYA DALAM MASA KERJA BUAT KERJA, JANGAN CAKAP FASAL KAHWIN," KATANYA DISAMBUK DENGAN GELAK KETAWA DARI PARA PERWAKILAN. -- LAGI 1448/MB

UMNO - MAHATHIR - KAHWIN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU LALU MENINGGATKAN PARA PERWAKILAN BAHAWA DALAMA KEADAAN-KEADAAN TERTENTU, HUKUM AKAL HARUS DIGUNAKAN (SAMBIL MENCERITAKAN SATU PERISTIWA DI MANA SEORANG WARTAWAN, SEMASA BERWAWANCARA DENGANYA TELAH MENEGUR BELIAU KONONNYA BELIAU TELAH MENYALAHGUNAKAN HARTA KERAJAAN UNTUK KERJA-KERJA PARTI.

INI BERHUBUNG DENGAN SIDANG AKHBAR YANG DIADAKANNYA BERSAMA TIMBALAN MENTERI ENCIK ANWAR IBRAHIM UNTUK MENGISYTIHARKAN KEMASUKAN BEKAS PEMIMPIN ABIM ITU KE DALAM UMNO.

"SAYA DIBERITAHU OLEH WARTAWAN ITU BAHAWA PERBUATAN SAYA ITU SALAH SEBAB TEMPAT SAYA MENGADAKAN SIDANG AKHBAR ITU IALAH DI JABATAN PERDANA MENTERI."

"SAYA BERITAHU WARTAWAN INI BAHAWA SOALAN BELIAU ITU JUGA BERHUBUNG DENGAN PARTI, BUKAN KERAJAAN. KALAU BEGITU, KITA HARUS MENINGGALKAN TEMPAT INI DAN KALAU SAUDARA HENDAK TANYA FASAL KERAJAAN PULA, KITA MASUK BALIK KE PEJABAT INI."

"LOGIKKAH INI?" TANYA BELIAU SAMBIL DISAMBUK DENGAN TEPUKAN BERGEMURUH DARI PARA PERWAKILAN. -- SERNAME 1515/MB